



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
20 September 2025



KESUMA diminta runding dengan Filipina isu gaji amah

Kuala Lumpur: Persatuan Agensi Pekerjaan Malaysia (PAPA) mahu Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berbincang dengan kerajaan Filipina berhubung cadangan kenaikan gaji baharu AS\$500 (lebih RM2,100) sebulan bagi pembantu rumah

dari negara itu.

Presiden PAPA, Datuk Foo Yong Hooi, berkata isu kenaikan gaji itu menimbulkan kebimbangan kerana berpotensi memberi kesan besar kepada majikan tempatan.

Beliau berkata, pihaknya se-

bang menyediakan surat rasmi kepada KESUMA untuk mengadakan pertemuan berhubung perkara itu.

"Saya berharap kerajaan dapat campur tangan dan berbincang dengan Filipina. Kami sedang menyiapkan surat untuk bertemu dengan KESUMA dan berharap pertemuan itu dapat diadakan minggu depan," kata Yong Hooi kepada BH, semalam.

Yong Hooi berkata, sekiranya perbincangan di antara KESUMA dan agensi kerajaan Filipina berlaku, diharapkan Malaysia akan mengikuti langkah Qatar yang menarik balik cadangan kenaikan gaji itu.

Menurut Gulf News, Filipina mengesahkan tidak akan melaksanakan kenaikan gaji pembantu rumah di negara Teluk (GCC), sebaliknya gaji ditentukan berdasarkan penawaran dan permintaan.

Pengumuman itu dibuat oleh Setiausaha Jabatan Pekerja Migran Filipina, Hans Leo Caelae, selepas perbincangan bersama Menteri Tenaga Kerja Qatar, Dr Ali Samikh Al Marri, di Doha baru-baru ini.

Namun, tiada penjelasan lan-

Gaji baharu amah Filipina membebankan

KESUMA meminta kerajaan Filipina berbincang mengenai cadangan kenaikan gaji baharu AS\$500 (lebih RM2,100) sebulan bagi pembantu rumah dari negara itu.

Keratan akhbar BH, 12 September lalu.

kan tempatan.

"Bebanan kewangan majikan terlalu besar dan PAPA kekal dengan pendirian kadar gaji sedia ada perlu dikekalkan," katanya.

Jabatan Pekerja Migran Filipina dalam kenyataan di Facebook menjelaskan, kenaikan gaji bagi pekerja domestik Filipina akan dilaksanakan di semua negara penempatan melalui mekanisme insentif, termasuk saluran pemprosesan pantas dan insentif lain untuk agensi pengambilan serta majikan yang bersetuju.

Garis panduan terperinci jangka dikeluarkan selepas merujuk pandangan pihak berkepentingan.

Saya berharap kerajaan dapat campur tangan dan berbincang dengan Filipina. Kami sedang menyiapkan surat untuk bertemu dengan KESUMA dan berharap pertemuan itu dapat diadakan minggu depan



Foo Yong Hooi, Presiden PAPA

Ibadat & Fadilat					
Abu Said al-Khidri meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa mencintai masjid, maka Allah SWT mencintainya." (HR Tabarani)					
KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:00	1:15	4:23	7:17	8:26
Alor Setar	6:00	1:14	4:22	7:17	8:26
P. Pinang	6:01	1:14	4:21	7:17	8:26
Ipoh	5:59	1:12	4:18	7:15	8:24
Kuala Lumpur	5:56	1:09	4:14	7:12	8:21
Shah Alam	5:56	1:09	4:14	7:12	8:21
Johor Bahru	5:48	1:01	4:01	7:03	8:12
Kuantan	5:51	1:04	4:07	7:06	8:15
Seremban	5:55	1:08	4:11	7:11	8:19
Bandar Melaka	5:54	1:07	4:09	7:10	8:18
Kota Bharu	5:53	1:07	4:15	7:10	8:15
K. Terengganu	5:49	1:03	4:10	7:06	8:15
Kota Kinabalu	4:57	12:11	3:19	6:14	7:23
Kuching	5:23	12:36	3:37	6:38	7:47